

**NO. SOALAN: 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]**

**TARIKH : 15 JUN 2015**

**RUJUKAN : 7959**

**SOALAN:**

**Tuan Ng Wei Aik [ Tanjong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Pejabat Imigresen George Town yang terletak di Lebu Pantai, Pulau Pinang dapat diperbesarkan atau ditempatkan semula memandangkan premis tersebut terlalu kecil dan sempit dan mengakibatkan ketidakselesaan terhadap rakyat setempat.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, bangunan Pejabat Imigresen George Town sedia ada telah beroperasi semenjak tahun 1947. Ia adalah bangunan warisan atau *heritage* (dengan izin) dan bersejarah. Oleh itu, kerja-kerja pengubahsuaian dan penambahan ruang tidak boleh dilakukan ke atas bangunan tersebut bagi memelihara keasliannya.**

**Justeru, bagi mengatasi masalah ruang pejabat yang kecil tersebut, Jabatan Imigresen Malaysia telah memindahkan Pejabat Imigresen Negeri ke Seberang Jaya. Pejabat Imigresen George Town kini beroperasi hanya sebagai Pejabat Cawangan. Bagi menambahbaik tahap perkhidmatan kaunter-kaunternya, Jabatan Imigresen Malaysia juga merancang untuk membuka pejabat baru di sekitar kawasan tersebut.**